

# TAKLIMAT AKTIVITI CURI ELEKTRIK KAWASAN TAWAU


17HB JULAI 2018




2018



# PETA LIPUTAN KAWASAN TAWAU



# Tawau Network (33/11kV)





## MAXIMUM DEMAND IN TAWAU

<b>Kapasiti Terpasang</b>	<b>89.60MW</b>
Kehendak Maksima	100 MW
Bilangan Pengguna	56749

- Jumlah penjanaan di SJT tidak mencukupi menampung permintaan beban di Tawau. Manakala IPP Serudong Power belum mendapat persetujuan penyambungan kontrak semenjak Dec 2017.
- Oleh yang demikian sistem bekalan di kawasan Tawau di sokong daripada bekalan Sabah Grid.

# INISIATIF OPS ILLEGAL KAWASAN TAWAU

SENARAISEMAK LAPORAN AKTIVITI MEMBANTERS PENYAMBUNGAN HARAM SETIAP KAWASAN														
KAWASAN: TAWAU		BILANGAN OPERASI YANG DIJALANKAN UNTUK SETIAP PENEMPATAN FY16/17												Bil Kediaman Terlibat
BIL	NAMA PENEMPATAN	9	10	11	12	1	2	3	4	5	6	7	8	
1	TIMATCH JALAN KUHARA		1					1						50
2	KG SERI MENANTI	1						1				1		80
3	KG VIETNAM			1	1					2				150
4	KG TITINGAN							1			1	1		300
5	TMN RICH PARK				1					1				50
6	TAWAU LAMA HOUSING	1						1		1				100
7	SEDCO LIGHT INDUSTRI		1		1									300
8	SRI AMAN INDUSTRI					1								60
9	TAMAN JADE	1	1											100
10	KEDAI TAYAR SING SING			1					1				2	50
11	PETRONAS GUDANG TSH	1	1	1					1				1	250
12	JALAN TIKU KONGSI 10					1								40
13	KG HIDAYAT	1					1							300
14	KG KURNIA JAYA					1							1	300
15	TAWAU SURIA INDUSTRI						1							200
16	KG SG. KINABUTAN KECIL BT.5				1				1					50
17	TINAGAT BT. 7			1	1				1	1				100
18	SK BANDAR			1								1		50
19	TMN AIR PANAS						1							30
20	KG SUNGAI BUAYA						1			1				50
21	KG WAKUBA LAUT											1		50
22	KG SRI AMAN												1	50
23	BENGKEL WILSON												2	50
24	PEJABAT TSH												2	50
	JUMLAH	5	4	5	5	3	4	4	4	6	1	4	4	2660
	Jumlah Keseluruhan Operasi FY2016/2017	49												510

# INISIATIF OPS ILLEGAL KAWASAN TAWAU

## SENARAI SEMAK LAPORAN AKTIVITI MEMBANTERS PENYAMBUNGAN HARAM SETIAP KAWASAN

KAWASAN: TAWAU		BILANGAN OPERASI YANG DIJALANKAN UNTUK SETIAP PENEMPATAN CY2018												Bil Kediaman Terlibat
BIL	NAMA PENEMPATAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
1	TMN AIR PANAS													30
2	JALAN TIKU KONGSI 10													40
3	BENGKEL WILSON													50
4	CENTENERY INDUSTRI BT.3													50
5	JABATAN AIR JALAN KUHARA													50
6	KEDAI TAYAR SING SING													50
7	KG SG. KINABUTAN KECIL BT.5													50
8	KG SUNGAI BUAYA													50
9	KG TITINGAN BALAI POLIS													50
10	KG WAKUBA LAUT													50
11	LOJI KUMBAHAN BANDAR SRI INDAH													50
12	PASAR TAMU BT.15													50
13	PEJABAT TSH													50
14	SK BANDAR													50
15	TMN PICK YARD													50
16	TMN RICH PARK													50
17	SRI AMAN INDUSTRI						1							60
18	KG SERI MENANTI													80
19	TAMAN JADE													100
20	TAWAU LAMA HOUSING													100
21	TINAGAT BT. 7													100
22	KG VIETNAM													150
23	KG SRI AMAN													166
24	TAWAU SURIA INDUSTRI													200
25	PETRONAS GUDANG TSH													250
26	KG HIDAYAT													300
27	KG KURNIA JAYA													300
28	KG TITINGAN ROMBENGAN													300
29	SEDCO LIGHT INDUSTRI													300
	<b>JUMLAH</b>	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	3176
<b>Jumlah Keseluruhan Operasi FY2018</b>		0												6

# OPERASI PEMOTONGAN SAMBUNGAN HARAM

## Ratusan Operasi Banteras Penyambungan Haram Setiap Tahun – SESB

10:38pm 22/07/2015 Pak Roshan 0 komen  
Kota Kiriabalu, Mutakhir, Tempatan



KOTA KINABALU : Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) melaksanakan ratusan operasi membanteras aktiviti mencuri elektrik atau penyambungan haram di kawasan penempatan setinggan setiap tahun namun hasilnya belum memadai bagi mengekang aktiviti tersebut.

SESB dalam kenyataan hari ini berkata agensi itu, melalui media cetak dan elektronik, tidak jemu-jemu menyuarakan masalah penyambungan haram di kawasan setinggan selain sentiasa menghebahkan mengenai bahaya aktiviti seperti itu kepada pencuri elektrik serta orang ramai.

"Peruntukan undang-undang sedia ada amat terhad dan isu-isu penguatkuasaan yang lain membataskan lagi tindakan berkesan yang boleh SESB ambil terhadap pelaku," katanya dalam kenyataan sebagai mengulas kejadian renjatan elektrik melibatkan seorang anggota bomba di Sandakan pada Isnin (20 Julai).

## 20 setinggan di Tawau dikesan aktif kegiatan sambungan elektrik haram

4:38pm 06/03/2015 Siti Nor Azrah Talata 0 komen  
Mutakhir, Tempatan, YB Datuk Haji Tawfig bin Datuk Haji Abu Bakar Tinggan



Gambar Hiasan

TAWAU - Lebih 20 kawasan setinggan di daerah ini dikesan aktif membuat penyambungan elektrik secara haram yang menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kerugian berjuta ringgit.

Pegawai Perhubungan Awam SESB, Darrell Lorimer Peter Ng berkata, pihak yang didapati melakukan sambungan haram boleh disabitkan kesalahan kerana mencuri elektrik mengikut Akta Elektrik 1990 dan dikenakan denda melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya jika didapati bersalah.

"Penyambungan elektrik secara haram itu mengakibatkan kekerapan gangguan elektrik di kawasan sekitar. Sehubungan itu, SESB akan terus berusaha membanteras sebarang kegiatan penyambungan elektrik secara haram di kawasan-kawasan setinggan di daerah ini," katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

SESB sebelum ini, katanya, telah beberapa kali menjalankan operasi membanteras kegiatan itu dan menyaksikan rampasan wayar kabel pelbagai jenis yang dianggarkan seberat 50-100 kilogram setiap kali operasi dijalankan.



# TEKNIK SAMBUNGAN HARAM






## KAEDAH YANG DI GUNAKAN

1. Pancing pada talian atas.
2. Tanam kabel sambungan haram didalam longkang.
3. Pancing pada Feeder Pillar.
4. Masukkan kabel sambungan haram dalam paip PVC. (Penyamaran dengan Paip Air)
5. Kabel di sangkut pada tiang-tiang di bawah jambatan di kawasan kampung air.
6. LV ABC di pancing pada Clamp, di paku dan cairkan.

## MENCURI BUSBAR FEEDER PILLAR DI PENCAWANG





## JUMLAH RAMPASAN KABEL HASIL SAMBUNGAN HARAM

TAHUN	JUMLAH BERAT
2015	886.5kg
2016	750kg
2017	493kg
2018	45kg





## INISIATIF PROJEK BELB 2014-2015

Bil	Nama Projek	Daerah	Bil Rumah	Nama Kontraktor Pelaksana	Nama Juruperunding	Sistem Talian
<b>PARLIMEN: TAWAU (P190)</b>						
1	Kg. Sri Menanti	N.60 Sebatik	88	Rumakaya Sdn Bhd	EP Engineering Sdn Bhd	Voltan Tinggi 11kV dan Voltan Rendah
2	Kg. Sri Menanti 2 & Airport Lama	N.60 Sebatik	70			
3	Kg. Kalumpang A	N.55 Balung	136			
4	Kg. Barantian	N.58 Merotai	13			
5	Kg. Ulu Hot Spring		7			
6	Kg. Sin On Tiku		6			

## KG. SRI MENANTI I



Projek Pencawang Sri Menanti 1 dibina untuk membekalkan tenaga elektrik 88 buah rumah



## KG. SRI MENANTI I



Projek Pencawang Sri Menanti 2 dan Pencawang Kg. Airport Lama dibina untuk membekalkan tenaga elektrik kepada 70 buah rumah



# AKIBAT SAMBUNGAN ELEKTRIK HARAM

## Anggota bomba maut terkena renjatan elektrik

Bernama | Julai 21, 2015 07:35 MYT

BERNAMA



Apolos Jeremos terkena renjatan elektrik daripada pendawaian disambung secara haram di kawasan rumah setinggan. - Foto sumber Facebook Jabatan Bomba dan Penyelamat

renjatan elektrik daripada pendawaian disambung secara h

SAI  
ren  
me  
7, d  
  
Ma  
Tor  
Per  
sel  
2.5  
  
Ket  
Jar

## Lelaki maut direnjat elektrik di Tawau

TAWAU, 24 Julai:

Seorang lelaki maut akibat terkena renjatan elektrik di rumahnya, di perkampungan atas air Hidayat, Batu 4, semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Tawau, Mohd Razali Awang Ahmad berkata, pihaknya mendapat panggilan kecemasan pada jam 6.26 petang dan tujuh anggota bersama sebuah jentera bergegas ke lokasi kejadian.

Jelasnya, mangsa yang dikenali sebagai Mohd Aris Deleon, 34, dikatakan sedang mengumpul tin di bawah kolong rumah berkenaan, sebelum terkena wayar elektrik yang dipasang di bawah rumah berkenaan.

"Apabila tiba di lokasi kejadian, mangsa berada dalam keadaan terbaring di bawah rumahnya dan dipercayai telah meninggal dunia akibat terkena renjatan elektrik. Menurut ahli keluarganya, mangsa kurang siaman dan sudah menjadi kebiasaan memungut tin di bawah kolong rumah mereka," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kematian Mohd Aris berlaku empat hari selepas seorang anggota bomba, Apolos Jeremos, 25, maut akibat terkena renjatan elektrik daripada pendawaian yang disambung secara haram, ketika memadam kebakaran belukar di Sandakan.

## Elektrik haram: SESB perlu tegas di kawasan rumah setinggan

Utusan Borneo (Sabah) 8 Jul 2017 +6 more

TAWAU: Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) perlu bertindak tegas dalam menangani kegiatan mencuri bekalan elektrik di kawasan perumahan setinggan di negeri ini, kata Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat, Datuk Hamisa Samat.

Beliau berkata, penyambungan elektrik secara haram menggunakan pelbagai teknik menjadi punca kepada kebakaran besar yang berlaku pada setiap tahun di negeri ini dengan kes terbaru melibatkan 261 rumah di Kampung Hidayat, Batu 4, Jalan Apas dekat sini, Sabtu lepas.

"Insiden ini sepatutnya cukup memberi pengajaran kepada semua pihak dan pihak SESB perlu mengawal kegiatan mencuri bekalan elektrik yang semakin berleluasa," katanya.

Hamisa, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Batu, berkata kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan

beras di pusat operasi bantuan untuk mangsa kebakaran Kampung Hidayat, Batu 4, Jalan Apas di sini, pada Jumaat.

Dalam pada itu, beliau turut menyelar sikap tidak bertanggungjawab sesetengah penduduk kampung yang mencuri bekalan elektrik sehingga menimbulkan

## HARAPAN DIMASA HADAPAN

- Isu sambungan haram dan penempatan setingan telah di bincangkan melalui mesyuarat Majlis Tindakan Daerah MPT dan juga Jawatankuasa Setingan.
- Pihak SESB Tawau mencadangkan untuk mewujudkan dan suka untuk bekerjasama dengan IPD yang layak untuk membekalkan elektrik di kawasan setingan sementara menunggu penempatan baru atau pun rumah PPR di sediakan.
- Perkara ini belum mendapat kata putus dan belum ada kontraktor yang menonjolkan diri sebagai IPD di kawasan Tawau seperti yang ada di Sandakan dan Labuan sekarang.